Bil. S 51

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN), 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.

2. Pindaan bab 55 dari Penggal 17.

3. Pindaan Jadual kepada Penggal 4.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN), 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2005.

Pindaan bab 55 dari Penggal 17.

2. Bab 55 dari Akta Imigresen adalah dipinda dengan memansuhkan perenggan kecil (iii) ceraian (1) dan menggantikannya dengan perenggan kecil baru yang berikut —

"(iii) dalam hal suatu kesalahan terhadap perenggan-perenggan *(d)* atau *(e)*, berkaitan dengan tiap-tiap orang yang dilindungi atau digaji, hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun, suatu denda tidak kurang dari $3,000 tetapi tidak melebihi dari $6,000 atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan kedua atau berikutnya, penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dari 4 tahun, suatu denda tidak kurang dari $6,000 tetapi tidak melebihi dari $12,000 atau kedua-duanya sekali;".

Pindaan Jadual kepada Penggal 4.

3. Jadual kepada Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am adalah dipinda dengan memotong ", (ii) dan (iii)" dari baris pertama di mana ia tertera berkenaan dengan Akta Imigresen dan menggantikannya dengan "dan (ii)".

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 2 haribulan Julai, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM